

# DI SEKELILING PERJUANGAN UMAT ISLAM INDONESIA

Islam tidak menghapuskan pengertian bangsa dan kebangsaan tetapi..  
keterangan Muhammad Natsir atas masalah di mana Islam meletakkan bangsa dan kebangsaan

Untuk pengetahuan am orang-orang kita tentang kedudukan bangsa dan suju bangsa dalam pandangan dari segi Islam maka kita rasa ada baiknya bagi pembaca menatap dan memerhati tentang ini yang kita kutip dan cabut daripada ucapan Tuan Muhammad Natsir ketua umum Masyumi di dalam ucapannya menerangkan “Adakah bertentangan di antara panca sila dan agama”. Kerana masalah panca sila itu heboh sekarang di Indonesia maka perkara yang berkenaan dengan bangsa itulah sahaja yang juta kutip untuk tatapan pembaca-pembaca.-P.

Adanya bangsa dan suku bangsa- kata Tuan Muhammad Natsir- adalah suatu kenyataan dan undang-undang alam dan tidak seorang pun dapat mungkirinya. Quran datang bukanlah untuk menghapuskan bangsa dan kebangsaan. Quran menegaskan bahawa Tuhan menjadikan manusia berbangsa-bangsa dan bersuku-suku bangsa. Diterangkan pula bahawa suku-suku bangsa dan bangsa itu adalah ia supaya “*Lita ‘ā rafū*”. Kenal mengenal atau berkenal-kenalan, harga menghargai, memberi dan menerima di antara satu dengan lain. Diterangkan pula bahawa perbezaan warna kulit dan bahasa itu bukanlah menjadi ukuran bagi tinggi atau rendahnya darjat salah satu bangsa itu. Adapun tinggi atau rendahnya darjat seseorang bergantung kepada takwanya kepada Tuhan; dan tinggi atau rendahnya nilai terhadap sesama manusia atau pun lain-lain bangsa.

Adalah suatu bahaya dan penyakit yang al-Quran hendak melindungi bangsa dan kebangsaan daripadanya ialah bahaya yang bernama kebongkakan bangsa, kebangsaan yang sempit dan..... yang menjadi pokok persengketaan bangsa-bangsa.



*Muhammad Natsir sedang memikirkan cara merebut kemenangan dalam pemilihan umum (pilihan raya) yang akan menentukan nasib umat Islam Indonesia.*



*Negara Islam Indonesia tetap berdiri. Tidak ada  
sesiapa yang akan menghalangnya! Demikian azam Muhammad Natsir  
dan Partai Masyumi yang sedang berjuang dengan segenap  
tenaganya.*

\* \* \*

Islam adalah jauh daripada menghapuskan atau membatalkan pengertian bangsa dan kebangsaan bahkan Islam meletakkan dasar-dasar yang sihat untuk hidup suburnya sesuatu bangsa di dalam pergaulan di antara bangsa-bangsa itu. Kita mengetahui bagaimana akibatnya apabila bongkak tentang bangsa dan warga telah bermaharajalela.

Kita telah melihat bagaimana soal warna kulit di Afrika Selatan dan juga di Amerika Syarikat yang telah menimbulkan soal-soal yang rupanya tidak boleh diatasi dalam zaman demokrasi moden sekarang ini. Kita mengetahui bagaimana celakanya kehidupann sesuatu bangsa apabila telah memuncak menjadi berputar belit dan perkauman sebagaimana dalam falsafah hidup kaum Nazi. Dan tawarikh juga telah menunjukkan kepada kita bagaimana celakanya apabila cintanya kepada bangsa dan tanah air, yang hakikatnya merusut menjadi kebongkakan bangsa yang merupakan kebencian terhadap

semua orang yang berbangsa asing.

Adakah kita hairan apabila Profesor Toynbee setelah memeriksa dan menghalusi tumbuhnya sejarah kebudayaan dunia daripada kurun ke kurun hingga sekarang sampai kepada suatu kesimpulan bahawa salah satu penyakit yang membahayakan manusia dalam dunia sekarang ini ialah perasaan perkauman yang taksub. Dan satu-satunya ubat untuk mengatasi penyakit ini, kata Profesor itu ialah Islam.

Al-Quran dengan memulau mengakui adanya sifat-sifat yang khusus istimewa kepada masing-masing bangsa dan suku bangsa itu akan tetapi meletakkan dasar-dasarnya yang sihat untuk berkembang subur dalam pergaulan kekeluargaan bangsa-bangsa menuju kepada persatuan dan persaudaraan umat manusia. Ia melindungi bangsa dan suku bangsa daripada perkauman yang taksub yang memisahkan bangsa dengan bangsa dan mempertajam pertentangan antara bangsa dengan bangsa itu.

Maka apabila kita menghadapi masalah bagaimanakah caranya mendaman kesuburan hidup suku-suku bangsa yang beraneka warna dengan tidak merosakkan ikatan kesatuan bangsa dan kalau ditanya bagaimana membawa negara yang muda ini ke dalam pergaulan bangsa-bangsa maka al-Quran memberi jawab atas masalah yang kita hadapi itu: sihatkan dasarnya; bersihkan dia daripada benih.....kemudian berikan apa yang ada kepada kita dengan berupa keistimewaan dalam medan kekayaan dan kebudayaan bagi meninggikan nilai peri kehidupan dan kebudayaan umumnya dalam keluarga yang lebih besar. Dalam hal ini kita kenal mengenal, ta'rif, harga menghargai, berlumba-lumba dengan bangsa-bangsa yang lain.

Begitulah tuntutan al-Quran yang wajib kita laksanakan dalam binaan hidup bermasyarakat dan bernegara. Berdasar atas keyakinan dan pegangan kita atas ajaran-ajaran al-Quran itu maka sebagai umat Islam percaya dan pada tempatnya mengusahakan kerjasama dengan sekalian manusia yang bercita-cita mulia; berbudi tinggi dan berniat ikhlas dan

(sambungannya pada muka 25)

(sambungan daripada muka 15)

bersungguh-sungguh.

Sekianlah kutipan daripada ucapan Tuan Muhammad Natsir ketua umum Masyumi setelah menerangkan perkaitan panca sila yang telah hebat di Indonesia terutamanya daripada kaum kebangsaan, demikian juga ucapan Presiden Sukarno dalam lawatannya ke Ambun baharu-baharu ini yang telah menyeru umat supaya jangan ada orang-orang yang cuba meruntuhkan Pancasila. Natsir menerangkan di dalam perkara ini bahawa Pancasila itu akan subur hidupnya di dalam pengakuan al-Quran sekiranya tafsir Pancasila itu tidak dipesongkan orang kepada lain daripada hakikatnya yang sebenar.



*Dewan Orang Ramai di Kampung Baharu Ampang Selangor yang telah diusahakan dengan kerjasama orang ramai dan kerajaan.*

*Penggal 1 dan 2 sudah siap- sepenggal \$1.20*

*'Umar bin al-Khaṭṭāb  
'Abdullāh Basmeh*

*Silalah pesan kepada:*

*Qalam Press Ltd.,*

*P.O. Box 3031, Singapore.*

# KEBENARAN

Jika kita membuka lembaran sejarah Islam, akan jelaslah terserlah bahawa junjungan kita (SAW) “kebenaran”, itulah menjadi peribadinya, dan kebenaran itulah akhlaknya yang terpuji.

Dengan kerana tertanamnya kebenaran di dalam peribadi dan jiwanya maka baginda, tidak menaruh takut dan gentar dalam mempertahankan kebenaran walaupun baginda kerana itu telah menerima pukulan yang dahsyat dari kaumnya.

Perdirian junjungan kita membela kebenaran sayogia menjadi tauladan kepada kita. Kita umat Melayu yang beragama Islam sepatutnya kita pada hari ini berpegang teguh kepada kebenaran dan tampil ke hadapan membela kebenaran daripada sebarang kecerobohan yang menodainya.

“Wahai sekalian orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah Ta‘ālā, katakan olehmu akan kata-kata yang lurus betul, nescaya diperbaiki Allah akan amal-amal kamu dan diampunkannya dosa-dosa kamu. Barang siapa taat akan Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya beroleh kemenanganlah ia dengan kemenangan yang besar.”

Demikian maksud firman Allah Ta‘ālā di dalam al-Quran al-‘Azim.

Apakala kita menungkan panduan Tuhan ini, nyatalah dengan sejelas-jelasnya, bahawa orang yang dikatakan beriman itu ialah orang benar pada segala-galanya. Orang yang benar itu ialah orang yang lurus betul, orang itulah yang dijanjikan oleh Tuhan, akan diterima amalnya yang baik dan diampunkan dosanya serta akan beroleh kemenangan di sisi Tuhan dengan kemenangan yang sebesar-besarnya.

-Haji Muḥammad ‘Ārif al-Natlī.